

# Soal Jawab Agama

*Soalan dan jawapan ini dipetik dari Ruangan Soal Jawab Agama kelolaan Unit Agama Islam, Jabatan Canselor yang terdapat di dalam Portal UniMAP. Soalan dan jawapan telah dimodifikasi tanpa mengubah maksudnya supaya lebih sesuai untuk bacaan umum.*

## Soalan 1:

Siapakah yang mengajar kita tentang politik? Ada mengatakan bahawa Rasulullah tidak mengajar politik sebaliknya Yahudi yang memulakannya. Bolehkah diceritakan secara ringkas tentang asal usul politik?

## Jawapan 1:

Maksud POLITIK ialah "Satu cabang dari cabang-cabang ilmu pengetahuan berkenaan dasar-dasar pemerintahan sesebuah negara meliputi hubungan dalam dan luar negara berdasarkan pengalaman, gaya tadbir, kelicikan, dan tipu muslihat". Politik Islam atau siyasah syar'iyah memberi makna umum/am iaitu pentadbiran urusan-urusan manusia dan juga selok belok kehidupan dunia mereka berdasarkan syarak. Dengan itu mereka mendefinisikan Khalifah sebagai pengganti kepada Rasulullah s.a.w pada urusan menjaga agama dan politik pentadbirannya (Rasulullah s.a.w) dengan agama yang mempunyai perkaitan di antara dunia dan juga di akhirat yang mengikut kepada kehendak-kehendak atau batasan-batasan syarak yang dibenarkan di dalam Islam serta menjaga hal-hal kepentingan Islam itu sendiri."

## Soalan 2:

Sebagaimana diketahui, syurga bagi lelaki adalah di telapak kaki ibunya. Tanggungjawab anak lelaki adalah pada orang tuanya. Namun sekiranya lelaki tersebut telah berkahwin, siapa yg perlu didahulukan? Maksudnya dari segi wang ringgit? Perlu beri kepada ibu dan bapa terlebih dahulu..kemudian lebih baru dibelanjakan dirumah (perbelanjaan keperluan/asas), ataukah sebaliknya? Sedangkan jikalau ibu lelaki tadi terasa hati/bersedih, jika wang tidak mencukupi, lelaki tersebut akan berdosa. Apa pendapat Ustaz?

## Jawapan 2:

"Birru Walidain" bukanlah bermaksud dengan hanya memberi wang ringgit kepada kedua ibubapa. Jika hanya kerana wang ringgit beruntunglah pada kedua ibubapa yang punya anak yang kaya raya. Tetapi bagaimana pula dengan si anak yang hanya kais pagi makan pagi dalam erti kata lain tak mampu untuk berikan wang ringgit. Maksud sebenar berbuat baik kepada ibubapa ialah dengan menghormatinya dari segi perlakuan kita, tutur bicara dan sebagainya. Cuma kaedah wang ringgit hanya penghias betapa sayangnya seorang anak kepada ibubapa selain mendoakan kesejahteraan mereka dan tidak bercakap kasar dengan mereka. Asas dalam kehidupan rumah tangga nafkah si suami terhadap isteri serta anak-anak serta keperluan isi rumah adalah wajib. Manakala habuan RM kepada ibubapa boleh diberi jika ada lebih dari perkara tersebut sebagai mengenangkan jasa mereka dalam mendidik serta mentarbiyah diri kita suatu masa dulu. Dahulukanlah perkara yang wajib. Semoga sama-sama kita mendapat rahmatNya kerana mentaati Ibu Bapa kita.

## Soalan 3:

Saya mempunyai satu soalan yg berkaitan dengan solat jika terdapat luka pada anggota badan. Pada satu hari, saya ada mengalami luka yang agak teruk pada kaki dan memerlukan jahitan sebanyak 8 jahitan dan doktor ada memesan supaya luka itu tidak boleh terkena air lagi pula luka itu dibalut. Soalan saya bagaimana saya mahu mengambil wuduk sedangkan luka saya tidak boleh terkena air?

## Jawapan 3:

Kebanyakan ulama menyatakan: Dia hanya perlu menyapu air pada balutan berkenaan. Dia tidak perlu menyampaikan air pada kulit di bawah balutan tersebut. Bab ini dipanggil al-Mash ala al-Jabirah wa al-Isabah iaitu menyapu di atas balutan patah dan luka. Namun begitu oleh kerana hadith-hadith dalam masalah ini kesemuanya tersangat daif, ini seperti yang dinyatakan oleh para ulama hadith seperti al-Baihaqi, dan tegaskan lagi oleh al-Albani dalam Tamam al-Minnah, maka berlaku perbezaan pendapat di kalangan ulama dalam masalah ini.

- 1) Hanya perlu sапу di atas balutan tersebut. Dia tidak diwajibkan berwuduk sebelum memakai balutan tersebut. Ketika berwuduk atau mandi wajib dia hanya perlu sапу air di atas balutan tersebut, tanpa perlu membasuhnya, atau melakukan air di bawahnya, atau menanggalkannya. Inilah pendapat terpilih daripada kebanyakan ulama fekah.
- 2) Disebabkan hadith-hadith dalam bab ini terlalu daif maka ada ulama fekah yang berpegang kepada tidak ada apa yang dikatakan sапу atas balutan patah atau luka. Sebaliknya anggota yang cedera, atau dibalut tersebut tidak perlu sebarang sapuan atau basuhan kerana telah gugur kewajipan syarak ke atas anggota tersebut. Ini pendapat yang dikemukakan oleh al-Imam Ibn Hazm al-Andalus (wafat 456H). Kata beliau ketika memberikan alasan pandangannya: Dalilnya firman Allah (maksudnya) Allah tidak bebankan kepada seseorang kecuali apa yang dia terdaya dan sabda Nabi s.a.w: "Apabila aku perintah kamu dengan sesuatu perintah, maka datangilah ia dengan kadar kemampuan kamu." Dengan dalil al-Quran dan al-Sunnah gugur kewajipan apa yang seseorang tidak mampu. Maka gantinya ialah apa yang disyarakkan. Syarak pula tidak wajib diikuti melainkan dengan dalil daripada al-Quran atau sunnah. Tiada dalil al-Quran atau sunnah yang menggantikan basuhan dengan sapuan ke atas balutan patah atau ubat bagi anggota yang tidak mampu dibasuh.

## Soalan 4:

Bagaimana hendak berterus terang dengan kawan semuslim tentang penjagaan aurat mereka supaya mereka tidak marah dan tidak kecil hati?



# Soal Jawab Agama

## Jawapan 4:

Sebaiknya tegurlah cara berhikmah. Mungkin anda boleh menggantung poster berkenaan panduan aurat ataupun artikel-artikel azab mereka yang mendedahkan aurat yang boleh didapati di dalam Internet. Bukan semua orang boleh berlapang dada menerima teguran. Kerana sesetengah orang menganggap perkara tersebut sebagai diri kita sudah alim, walhal hanya sekadar teguran untuk sama-sama hidup dalam keredhaan llahi. Jika hendak hidup dalam redha Allah mestilah patuh pada yang disuruh dan tinggal pada yang dilarang. Wallahu a'l'am.

## Soalan 5:

Adakah cara untuk penyimpanan CD atau kertas yang mengandungi ayat Al-Quran sama dengan cara penyimpanan Al-Quran? Bagaimana cara untuk melupuskan CD yang sudah rosak tapi mengandungi ayat Al-Quran?

## Jawapan 5:

CD yang mengandungi ayat Al-Quran di dalamnya tidak perlu dihapuskan. Kerana bukanlah bersifat kepada zahiri (perkara yang nampak). Tetapi jika di CD tersebut tercetaknya ayat al Quran, sebaiknya bakarlah ia agar tidak menjadi pijakan orang di kemudian hari. Begitu juga dengan helaian-helaian atau cebisan al Quran yang terkoyak. Wallahu a'l'am.

## Soalan 6:

Apakah hukum meninggalkan solat Jumaat satu kali dengan sengaja? Apakah hukumnya pula bagi meninggalkan solat Jumaat sebanyak 3 kali dengan sengaja dan berturut-turut?

## Jawapan 6:

Daripada Abdullah bin Umar dan Abu Hurairah keduanya menceritakan bahawa mereka mendengar daripada Rasulullah SAW ketika Baginda sedang berkutbah di atas mimbar, sabdanya : Hendaklah orang yang suka meninggalkan Jumaat menghentikan perbuatan mereka itu, atau adakah mereka mahu Allah (SWT) membutakan hati mereka dan sesudah itu mereka betul-betul menjadi orang yang lalai? (Hadis riwayat Muslim). Mengikut pada sesetengah pendapat ulama' yang lain mengatakan Haram hukumnya meninggalkan dengan sengaja tanpa uzur syar'ie.

## Soalan 7:

Apakah hukumnya menindik telinga sebanyak dua kali di tempat yg berlainan?

## Jawapan 7:

Hukum asal bertindik tidak ada dalam Islam. Jika ianya sekadar hiasan untuk wanita, diharuskan itupun hanya pada tempat yang tiada bertulang seperti di cuping telinga. Adapun bertindik pada tempat-tempat lain seperti di hidung pusat atau pada lain-

lainnya, ianya tidak ubah seperti meniru gaya sesuatu kaum itu seperti firaun lakinatullah dan juga kaum-kaum tertentu. "Barangsiaapa yang menyerupai sesuatu kaum itu maka dia dikalangan mereka." Wallahu a'l'am.

## Soalan 8:

Saya ingin bertanya tentang fidyah. Isteri saya meninggalkan puasa sebanyak 28 hari pada tahun 2006 disebabkan mengandung. Pada tahun 2008 baru isteri saya menggantikan puasa. Berapa cupak fidyah yang seharusnya dibayar oleh isteri saya dan berapa RM nilai bagi secupak? Dimana tempat yang seharusnya untuk membayar fidyah tersebut?

## Jawapan 8:

Qada puasa mestilah dilaksana mengikut kepada jumlah hari yg ditinggalkan. Contoh anggaran bayaran cupak adalah: Apabila puasa ditinggalkan sebanyak 5 hari selepas setahun masih lagi tidak membayarnya wajib bayar 5 cupak. Sekiranya sampai 2 tahun perlu membayar 10 cupak begitu seterusnya. Cara bayaran fidyah boleh diuruskan dengan Baitulmal Negeri dengan kadar harga beras semasa. Wallahu a'l'am.

## Soalan 9:

Saya ingin memohon pandangan mengenai solat. Yang mana satukah lebih afdal di antara solat beseorangan di awal waktu atau pun solat berjemaah tetapi agak lewat selepas masuknya waktu? Ini kerana kadang-kala isteri terpaksa menguruskan anak dan masak untuk keluarga, dan saya sering melewatkkan solat kerana ingin solat berjemaah bersama isteri.

## Jawapan 9:

Dalam satu hadith, Rasulullah pernah ditanya mengenai apakah amalan yang paling afdal? Rasulullah menjawab "solat di awal waktu". Tetapi di dalam hadith yang lain, Nabi juga bersabda Solat secara berjemaah itu lebih baik dari solat bersendirian sebanyak 27 kali ganda. Berdasarkan 2 hadith ini, lebih baik untuk saudara solat secara berjamaah di masjid pada awal waktu lebih afdal. Walaupun demikian, juga baik untuk solat berjemaah bersama isteri.

## Soalan 10:

Adakah amalan seseorang itu diterima sekiranya dia tidak melakukan solat taubat setelah insaf dari melakukan dosa? Tetapi, dia tidak meninggalkan suruhan Allah S.W.T.

## Jawapan 10:

Solat taubat itu bukanlah sesuatu yang wajib. Taubat bermaksud kembali. Syarat-syarat taubat mestilah 1. Menyesal 2. Berazam tidak mengulangi 3. Berhenti dari berbuat dosa. 4. Pulangkan hak pada pemiliknya. Tetapi adalah lebih afdhal jika melakukan solat sunat taubat kerana dalam solat itu sendiri punyai rahsia yang besar disisi Allah. Wallahu a'l'am.